

BURSA MALAYSIA SECURITIES BERHAD**NOTA PANDUAN 10****LATIHAN UNTUK PARA PENGARAH**

Perincian	Rujukan Silang
Tarikh kuat kuasa: 3 Julai 2006	Kaedah 15.08
Tarikh semakan: 3 Ogos 2009	

1.0 Pengenalan

- 1.1 Nota Panduan ini menetapkan kehendak Bursa berhubung program latihan yang mesti dihadiri oleh para pengarah dari perbadanan tersenarai atau pemohon yang inginkan penyenaian di Senarai Rasmi Bursa ("**Pengarah**") dalam pematuhan dengan Kehendak-kehendak Penyenaian.
- 1.2 Menurut Kaedah 15.08 Kehendak-kehendak Penyenaian, para Pengarah mesti menghadiri program latihan yang ditetapkan oleh Bursa dari semasa ke semasa.
- 1.3 Bursa telah menetapkan bahawa para Pengarah menghadiri Program Pentauliahan Mandatori ("**MAP**") di bawah Kaedah 15.08 Kehendak-kehendak Penyenaian.

2.0 Program Pentauliahan Mandatori ("MAP")

- 2.1 MAP adalah diatur oleh badan korporat sebagaimana yang boleh diluluskan oleh Bursa ("**Penganjur Diluluskan**").
- 2.2 Seorang Pengarah mesti mematuhi kehendak berikut berhubung MAP itu:
- (a) Pengarah mesti menghadiri MAP sepenuhnya dan memperolehi satu perakuan dari Penganjur Diluluskan untuk mengesahkan penyempurnaan MAP olehnya;
- (b) Pengarah mesti menyempurnakan MAP dalam masa yang dinyatakan dalam jadual di bawah:

No.	Pengarah	Rangka masa untuk Menyempurnakan MAP
(i)	Pengarah yang dilantik untuk pertama kali sebagai pengarah sebuah perbadanan tersenarai	Dalam 4 bulan dari tarikh pelantikan
(ii)	Pengarah pemohon yang inginkan penyenaian di Senarai Rasmi Bursa	Dalam 4 bulan dari tarikh penyenaian pemohon melainkan Pengarah termasuk dalam kategori yang dinyatakan dalam subperenggan (i) di atas dengan itu tempoh dalam subperenggan (i) terpakai

- (c) melainkan jika ditentukan secara lain oleh Bursa, hanya Pengarah yang telah diberikan perakuan oleh Penganjur Diluluskan untuk penyempurnaan MAP dalam rangka masa yang ditentukan dalam subperenggan (b) di atas atau rangka masa lain yang boleh dibenarkan oleh Bursa akan dianggap telah menyempurnakan MAP.
- 2.3 Kandungan kursus dan tempoh MAP boleh diubah oleh Penganjur Diluluskan dengan kelulusan Bursa pada bila-bila masa yang difikirkan perlu. Pengarah yang telah diberikan perakuan kerana menyempurnakan MAP atau mana-mana bahagian MAP sebelum tarikh perubahan tidak akan dipengaruhi oleh perubahan tersebut.

3.0 Kewajipan perbadanan tersenarai

- 3.1 Perbadanan tersenarai mesti memberitahu para pengarahnya kehendak untuk menghadiri MAP.